

No. Rujukan : UTeM.02.14.03/100-3/2/2 (2)



---

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN  
BILANGAN 5 TAHUN 2018**

---

**PENAMBAHBAIKAN PERATURAN PELAKSANAAN  
KEMUDAHAN PERUBATAN DAN PENJELASAN  
BERHUBUNG RAWATAN  
INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN. BHD.  
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar  
03 Oktober 2018 | 23 Muharram 1440H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.14.02/100-3/2/2 (2)

03 OKTOBER 2018  
23 MUHARRAM 1440H

## SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 5/2018

### **PENAMBAHBAIKAN PERATURAN PELAKSANAAN KEMUDAHAN PERUBATAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG RAWATAN INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN. BHD. DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai keputusan pihak Universiti atas perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2018 yang bersidang pada 16 Julai 2018 telah bersetuju meluluskan pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017 (Penambahbaikan Peraturan Pelaksanaan Kemudahan Perubatan Dan Penjelasan Berhubung Rawatan Di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.) dengan pindaan UTeM.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Peraturan berkaitan kemudahan perubatan pada masa ini telah dijelaskan melalui Perintah Am Bab F (Kemudahan Perubatan) Tahun 1974, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 - Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan (PP Bil. 21/2009) dan Surat Edaran rujukan JPA(SARAAN)(S)264/15/16-4 Jld.8(60) bertarikh 21 April 2010 - Pindaan Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan Bagi Rawatan Di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB).

#### **3. PELAKSANAAN**

##### **3.1 Pakar Perubatan Kecemasan Dimasukkan Sebagai Pakar Rujuk Rawatan di IJNSB**

- 3.1.1 Peraturan semasa menetapkan staf/pesara, ibu bapa staf dan ahli keluarga staf/pesara yang berkelayakan perlu dirujuk oleh Pakar

Perubatan Umum (*Physician*), Pakar Kardiologi di hospital/klinik Kerajaan atau swasta untuk mendapat rawatan percuma di IJNSB.

- 3.1.2 Bagi menambah baik pelaksanaan kemudahan perubatan di IJNSB, Kerajaan telah bersetuju supaya doktor pakar dalam **bidang kecemasan (Pakar Perubatan Kecemasan)** dari hospital/klinik Kerajaan atau swasta dimasukkan sebagai salah **seorang pakar yang boleh merujuk staf/pesara, ibu bapa staf dan ahli keluarga staf/pesara yang berkelayakan** untuk mendapatkan rawatan percuma di IJNSB.

### **3.2 Peraturan Perbelanjaan dan Bayaran Rawatan di IJNSB**

- 3.2.1 Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan peraturan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan seperti mana diperuntukkan melalui PP Bilangan 15 Tahun 2011.

- 3.2.2 Selaras dengan hasrat mengutamakan kebajikan staf Universiti, pelaksanaan berkaitan permohonan perbelanjaan kemudahan rawatan perubatan di IJNSB adalah seperti berikut:

3.2.2.1 Bagi staf/pesara UTeM, ibu bapa staf dan ahli keluarga yang berkelayakan, permohonan perbelanjaan kemudahan tersebut akan dipertimbangkan dan diluluskan oleh Naib Canselor;

3.2.2.2 IJNSB hendaklah mengemukakan tuntutan kepada Unit Kemudahan Staf, Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka bagi perbelanjaan kemudahan rawatan perubatan; dan

3.2.2.3 Penggunaan Borang Tuntutan 1/09 masih digunakan bagi kemudahan perubatan yang diperolehi di IJNSB.

## **4. PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Pentadbiran ini, Surat Edaran rujukan JPA(SARAAN)(S)264/15/16-4 Jld.8 (60) bertarikh 21 April 2010 adalah dibatalkan.

**5. TARIKH KUATKUASA**

Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai dari tarikh 16 Julai 2018.

Sekian, terima kasih.

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut perintah,



**MASDZARIF BIN MAHAT**  
Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

/sya



**Sokongan / Ulasan Pusat Kesihatan Universiti (PKU)**

Permohonan ini :

Disokong

---

---

---

Tidak disokong

---

---

---

Cop & Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**Kelulusan**

Permohonan ini :

Dilulus

---

---

---

Tidak dilulus

---

---

---

**Cop & Tandatangan** : \_\_\_\_\_

**Pihak Berkuasa Universiti**

**Tarikh** : \_\_\_\_\_

**Untuk kegunaan Unit Kemudahan Staf (UKS):**

**Tindakan** :  **Pembayaran**  
 **Semakan Semula**  
 **Lain-lain :**

**Tandatangan** : \_\_\_\_\_  
**Pegawai UKS**

**Tarikh** : \_\_\_\_\_